SULIT*

946/1

2022

PENGAJIAN PERNIAGAAN

KERTAS 1

(Satu jam empat puluh lima)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
NEGERI MELAKA

Semester 1 2022

Arahan kepada calon :

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN

Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A
Jawab soalan 11 dalam Bahagian B
Jawab soalan 12 atau soalan 13 dalam Bahagian B

Anda boleh menjawab kedua-dua soalan, iaitu soalan 12 atau soalan 13 tetapi hanya **satu** jawapan pertama yang akan diperiksa

Kertas soalan ini terdiri daripada 4 halaman bercetak.

Bahagian A [50 *markah*]

Jawab **semua** *soalan*.

1. Terangkan perbezaan antara organisasi perniagaan dengan organisasi bukan perniagaan. [4]

2. Jelaskan **dua** langkah terakhir mengikut urutan dalam proses perniagaan bagi sebuah kilang pembuatan basikal. [6]

3. Terangkan jenis pengeluaran yang sesuai bagi produk berikut:
   (i) Percetakan buku [2]
   (ii) Pembinaan kapal [2]

4. Huraikan **dua** hubungan antara jabatan pengeluaran dengan jabatan pemasaran. [4]

5. Senaraikan **empat** proses pemasaran. [4]

6. Jelaskan **dua** faktor yang mempengaruhi keputusan pembelian gelagat pengguna. [6]

7. Nyatakan **tiga** sumber pembiayaan jangka panjang dan berikan **dua** kelebihan sumber pembiayaan jangka panjang. [5]

   Berikut ialah maklumat aset dan liabiliti Syarikat BSS Sdn. Bhd. pada 31 Disember 2015:

Jumlah aset semasa	RM55,800
Jumlah aset tetap	RM31,500
Liabiliti semasa	RM22,000
Inventori	RM8,500
Liabiliti jangka panjang	RM15,200
Akaun belum terima	RM10,800
Jualan	RM49,000
Kos barang dijual	RM23,400

   Berdasarkan maklumat di atas, hitung nisbah yang berikut:
   (i) Nisbah semasa [2]
   (ii) Nisbah cepat [2]
   (iii) Pusing ganti inventori [2]

9. Huraikan jenis-jenis latihan yang boleh diberikan oleh pihak pengurusan organisasi. [6]

10. Huraikan maksud *analisis kerja* dan terangkan **dua** bentuk analisis kerja. [5]

Jawab **satu** soalan sahaja.

Soalan 12

Lakarkan gambarajah *Kitaran Hayat Produk* dan terangkan **empat** peringkat kitaran hayat produk. [20]

ATAU

Soalan 13

a) Pemilihan pekerja ialah satu daripada fungsi pengurusan sumber manusia. Berikan maksud pemilihan dan terangkan **empat** prosedur pemilihan pekerja yang biasa diamalkan oleh sesebuah organisasi. [15]

b) Senaraikan jenis-jenis hukuman yang boleh dikenakan terhadap pekerja yang melanggar peraturan organisasi. [5]

CADANGAN SOALAN SEMESTER 1 TAHUN 2022
PERINGKAT NEGERI MELAKA

1. Terangkan perbezaan antara organisasi perniagaan dengan organisasi bukan perniagaan. [4]

Cadangan jawapan:

Dimensi	Organisasi Perniagaan	Organisasi Bukan Perniagaan
Perundangan	Ditubuhkan dan tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965	Ditubuhkan dan tertakluk di bawah Akta Pertubuhan 1966
Sumber kewangan	Pelabur, modal, keuntungan, pinjaman @ simpanan peribadi	Yuran ahli, sumbangan, masyarakat atau geran kerajaan
Pendaftaran	Pendaftar syarikat	Pendaftar Pertubuhan
Aktiviti Utama	Penjualan, penghasilan @ pengeluaran barang dan perkhidmatan	Bercorak kemasyarakatan, rekreasi, aktiviti sosial @ aktiviti sukarela

[1H X 2] = 4m
[mana-mana dua dimensi yang sama]

2. Jelaskan **dua** langkah terakhir mengikut urutan dalam proses perniagaan bagi sebuah kilang pembuatan basikal. [6]

Cadangan jawapan:

Pemasaran [1]
- Pemasaran melibatkan usaha mengagihkan keluaran siap kepada pengguna sasaran dengan menentukan empat jenis komponen campuran pemasaran [1]
- Contoh: pihak pengeluar basikal akan menentukan harga yang sesuai berdasarkan jenis-jenis basikal yang ditawarkan [1]

Untung atau Rugi [1]
- Untung diperoleh sekiranya hasil perniagaan melebihi kos perniagaan [1]
- Rugi diperoleh apabila kos perniagaan melebihi hasil perniagaan [1]
- Contoh: hasil jualan basikal sebanyak RM100,000 dan kos perniagaan basikal ialah RM60,000. Perniagaan basikal mendapat untung sebanyak RM40,000 (RM100,000 ditolak dengan RM60,000) [1]

(1F + 1H + 1C) X 2 = 6m

3. Terangkan jenis pengeluaran yang sesuai bagi produk berikut:

i) Percetakan buku [2]
ii) Pembinaan kapal [2]

Cadangan jawapan:

i) Percetakan buku – pengeluaran secara kelompok [1]

- Produk dikeluarkan dalam kuantiti yang sederhana.[1]
- Standard dan spesifikasi ditentukan oleh pelanggan.[1]
- Pengeluaran barang mempunyai fungsi yang sama. [1]
- Pengeluaran dibuat mengikut satu kelompok dan diikuti dengan kelompok yang lain. [1]
- Segala peralatan disusun untuk mengeluarkan produk atau barangan yang berbeza. [1]
- Semua tenaga kerja akan disusun untuk mengeluarkan produk yang berbeza mengikut kelompok.[1]

1F + 1H = 2m

ii) Pembinaan kapal – pengeluaran mengikut tempahan/projek/tetap [1]

- Produk dihasilkan selepas mendapat tempahan atau permintaan daripada pelanggan. [1]
- Produk yang dihasilkan dalam kuantiti yang kecil dan bernilai tinggi. [1]
- Mengambil tempoh masa yang lama untuk disiapkan. [1]
- Produk yang dihasilkan adalah unik atau khusus dan dibuat mengikut spesifikasi pelanggan. [1]
- Volum pengeluaran adalah rendah. [1]
- Inventori kosong. [1]
- Darjah piawaian yang rendah. [1]

1F + 1H = 2m

4. Huraikan **dua** hubungan antara jabatan pengeluaran dengan jabatan pemasaran. [4]

Cadangan jawapan:

- Jabatan pengeluaran bertanggungjawab untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan berdasarkan ciri-ciri barangan dan perkhidmatan tertentu dari jabatan pemasaran [1], manakala jabatan pemasaran pula bertanggungjawab mendapatkan maklum balas mengenai keperluan dan kehendak pengguna serta memaklumkan kepada jabatan pengeluaran [1]

- Jabatan pengeluaran menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang ditempah oleh jabatan Pemasaran [1] sementara jabatan pemasaran menjalankan strategi campuran pemasaran seperti menentukan harga, membuat promosi, dan mengedarkan barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh jabatan pengeluaran kepada pengguna [1]

(2H) X 2 = 4m

Jawapan perlu menunjukkan hubungan antara dua jabatan tersebut

- Contohnya, pengguna yang berpendidikan rendah lebih berminat membeli bahan bacaan ringan seperti majalah dan komik berbanding pengguna yang berpendidikan tinggi lebih menggemari bahan bacaan bercorak ilmiah atau profesional seperti buku berkaitan perniagaan, kejuruteraan atau perubatan / contoh yang bersesuaian.

iii. Individu

- Ciri-ciri individu seperti umur, pekerjaan, pendapatan,personaliti dan gaya hidup akan memberikan pengaruh kepada keputusan pembelian seseorang.
- Pengeluar perlu memahami setiap ciri individu demi merancang strategi pemasaran yang sesuai supaya dapat menarik perhatian pengguna terhadap produk di pasaran.
- Contohnya, pengguna pada peringkat umur berlainan mempunyai citarasa berbeza terhadap produk. Permintaan produk bagi pekerja kolar putih dan kolar biru juga menunjukkan perbezaan. Tingkat pendapatan, personaliti dan gaya hidup individu yang berbeza boleh menyebabkan corak pemilihan produk adalah berlainan / contoh yang bersesuaian.

iv. Psikologi

- Faktor psikologi yang mempengaruhi keputusan pembelian pengguna dari aspek motivasi, persepsi, personaliti/konsep kendiri, pembelajaran/ pengalaman dan sikap.
- Motivasi merupakan pendorong yang mendesak individu untuk memenuhi keperluan kehendaknya yang pelbagai.
- Persepsi merupakan proses memilih, mengorganisasi dan mentafsir maklumat atau rangsangan yang diterima untuk membentuk gambaran yang bermakna.
- Personaliti/konsep kendiri ialah sifat-sifat individu yang unik dan konsisten serta dikaitkan dengan sifat peribadi seseorang.
- Pembelajaran/pengalaman merujuk kepada pengalaman dan pemerhatian lepas yang mempengaruhi perlakuan atau gelagat pengguna.
- Sikap merupakan penilaian dan tindak balas yang konsisten terhadap sesuatu produk atau idea yang menentukan sama ada dia suka atau tidak terhadap produk tersebut.
- Contohnya, sikap pengguna yang suka mengagung-agungkan barang import sudah tentu tidak akan membeli barang buatan tempatan walaupun harganya lebih murah dan kualitinya juga terjamin / contoh yang bersesuaian.

v. Situasi


- Faktor situasi yang mempengaruhi seseorang individu iaitu masa/musim pembelian, tujuan dan sebab pembelian, cara membeli/kaedah pembayaran serta perasaan/emosi yang mempengaruhi gelagat pembelian.
- Contohnya, pengguna mungkin lebih gemar membuat pembelian di pusat beli-belah yang mepunyai pilihan produk yang banyak. / contoh yang bersesuaian.

(1F + 1H +1C) x 2 = 6M)

*pilih mana-mana 2 faktor yang pertama

SOALAN 12:

Lakarkan gambarajah *Kitaran Hayat Produk* dan huraikan ciri-ciri setiap peringkat dalam kitaran hayat produk. [20]



Tajuk =1
Label Lengkap (Paksi X, Paksi Y, Keluk Jualan) =1
Bentuk keluk yang tepat = 1
Label Peringkat Kitaran Hayat Produk yang lengkap =1
Jumlah markah = 4m

Empat peringkat dalam kitaran hayat produk :

1) **Peringkat pengenalan**
   a) Produk baru diperkenalkan kepada pelanggan
   b) Syer pasaran yang sedikit
   c) Jumlah jualan kecil atau kadar jualan perlahan atau jualan paling rendah
   d) Kos barang seunit tinggi kerana tiada ekonomi bidangan
   e) Keuntungan syarikat adalah sedikit, sifar atau mengalami kerugian
   f) Promosi yang agresif, besar-besaran harus dijalankan
   g) Persaingan rendah atau tiada
   h) Harga seunit tinggi

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta